

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kerugian sektor *e-hailing* akibat penularan wabak COVID-19 dan perincian yang diberikan kepada golongan pemandu *e-hailing*.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah mengadakan perjumpaan bersama wakil syarikat *e-hailing* (EHO) pada 29 Jun 2020 bagi mendapatkan maklumbalas tentang pengoperasian *e-hailing* dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penyaluran bantuan PRIHATIN secara *one-off* kepada pemandu *e-hailing* sebanyak RM500 seorang.
2. Majoriti EHO memaklumkan mengalami kerugian sehingga 90% disebabkan ketiadaan penumpang berikutan pelaksanaan PKP yang ditetapkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun pengoperasian *e-hailing* telah berlaku sedikit peningkatan setelah Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020. Syarikat *e-hailing* menjangkakan akan berlaku peningkatan permintaan yang lebih baik apabila tamat tempoh PKPP pada 31 Ogos 2020 nanti.
3. Kerajaan telah melaksanakan pembayaran bantuan PRIHATIN *e-hailing* bermula April 2020 kepada seramai 70,562 pemandu *e-hailing* yang telah dikenalpasti layak menerima bantuan tersebut yang melibatkan 21 syarikat *e-hailing* atau platform berdaftar serta jumlah perbelanjaan peruntukkan sebanyak RM35.28 juta. Sekian, terima kasih.